

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @  
WONG NYUK FOH [ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 10.3.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru yang berkhidmat di setiap negeri secara terperinci mengikut kaum, jantina dan tempat asal. Dan juga nyatakan bilangan guru yang berasal dari Semenanjung kini sedang berkhidmat di Sabah dan sebaliknya bilangan guru yang berasal dari Sabah kini berkhidmat di Semenanjung.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan bagi menempatkan guru kelahiran dari negeri Sabah untuk mengisi kekosongan jawatan di negeri tersebut. Pada masa yang sama KPM perlu memastikan penempatan dan pertukaran guru dilaksanakan berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan.

Sehingga 23 Februari 2015, terdapat seramai 21,160 orang atau 80.58 peratus guru berasal dari Sabah berbanding keseluruhan 26,261 orang guru terlatih yang mengajar di sekolah-sekolah rendah di seluruh negeri Sabah. Hanya 16.51 peratus guru sekolah rendah di Sabah berasal dari

Semenanjung, selebihnya 2.55 peratus berasal dari Sarawak dan 0.37 peratus berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan.

Di peringkat sekolah menengah pula, daripada keseluruhan 14,648 orang guru terlatih, seramai 10,452 orang atau 71.35 peratus daripadanya berasal dari Sabah, manakala selebihnya iaitu 26.21 peratus berasal dari Semenanjung, 2.10 peratus dari Sarawak dan 0.33 peratus berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan.

RJM06